



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## KAD DISKAUN KHAS BAGI PENGUSAHA MENU RAHMAH

**KUALA LUMPUR, 2 NOVEMBER 2023** – Sukacita diumumkan bahawa bermula hari ini permohonan **Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH** kini dibuka khusus kepada **pengusaha-pengusaha Menu RAHMAH di seluruh negara**.

2. **Menu RAHMAH** merupakan salah satu program utama di bawah **Inisiatif Payung RAHMAH** untuk menangani isu kos sara hidup dengan menyediakan menu **makanan tengah hari atau malam yang sihat dan selamat dengan harga tidak melebihi RM 5.00 bagi setiap hidangan**. Dengan kadar harga menu yang berpatutan ini, **Program Menu RAHMAH yang mula dilaksanakan sejak 31 Januari 2023** ini disasarkan untuk membantu rakyat yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup masa kini di seluruh negara.

3. Sehingga kini, terdapat **2,849 premis berdaftar** yang menawarkan **Menu RAHMAH** kepada rakyat Malaysia di seluruh negara. Seajar dengan hasrat untuk memberikan insentif penghargaan kepada para pengusaha **Menu RAHMAH**, **Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)** merintis usaha untuk memperkenalkan **Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH**.

4. Pada masa yang sama, inisiatif ini merupakan salah satu langkah untuk memastikan kelangsungan **Program Menu RAHMAH** sebagai galakan untuk meningkatkan lagi bilangan pengusaha restoran dalam **menyertai Program Menu RAHMAH**. Kementerian komited dalam memperluaskan dan menjayakan lagi **Program Menu RAHMAH** bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dapat menikmati pilihan makanan diluar dengan harga yang berpatutan.

5. Penawaran **Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH** ini merupakan program rintis bersama di antara Kementerian dan pemain industri dalam sektor perdagangan dan pengedaran. **KPDN** menghargai komitmen enam buah pasar raya yang telah bersetuju untuk terlibat dalam pelaksanaan inisiatif ini iaitu pasar raya **AEON BiG, Econsave, Giant, Lotus's, Mydin serta NSK.**

6. Antara barangan yang ditawarkan dengan kadar diskaun kepada pengusaha **Menu RAHMAH** yang telah diluluskan penyertaan dalam program ini adalah barangan mentah seperti ayam, bawang dan barang asas makanan yang lain bagi membantu pengusaha mengurangkan kos penyediaan **Menu RAHMAH.** Pasar raya-pasar raya ini akan **menawarkan kadar diskaun sehingga 40 peratus terhadap 5,000 stock keeping unit (SKU);** tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh pasar raya.

7. Permohonan bagi **Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH** ini telah dibuka bermula hari ini melalui portal <https://menurahmah.kpdn.gov.my>. Diantara syarat-syarat permohonan bagi **Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH** ini adalah seperti berikut:

- I. **Warganegara Malaysia;**
- II. **Telah berdaftar sebagai pengusaha Menu RAHMAH di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup; dan**
- III. **Perniagaan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pihak berkuasa tempatan.**

8. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, para pengusaha **Menu RAHMAH** boleh menghubungi **Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)** di talian hotline 03- 8882 5881/ 5905 atau melalui emel kepada [spip@kpdn.gov.my](mailto:spip@kpdn.gov.my).

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI,  
PEMANGKU MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP,  
KUALA LUMPUR, 2 NOVEMBER 2023.**

###

## LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam Negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidaktentuan. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkapi dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDN:

